

realiti ke retorik?

AZMI TARMIZI

ADA seorang sahabat menulis di muka buku: "Dulu rumah RM2,000 pun susah bendaik jual. Ramai duduk setinggan atau satu rumah dua keluarga.

"Sekarang rumah RM300,000 habis 'sekejap mata'. Pun orang masih kata zaman sekangsur susah berbanding dulu."

Saya memilih untuk berseuju dengan pendapat beliau itu. Mana ada zaman yang senang.

Zaman kita masih kecil dulu pun mak kata zaman tu susah, harga barang mahal.

Ramai berpendapat kos sara hidup telah meningkat.

Persoalannya, adakah peningkatan kos sara hidup di Malaysia suatu realiti atau cuma sebagai suatu retorik?

Yang berubah adalah cara hidup, itu yang menyebabkan perbelanjaan dan kos sara hidup semakin meningkat.

Kos sara hidup terbahagi kepada dua kategori utama. Pertama adalah kos sara hidup harian iaitu kos perbelanjaan harian yang meningkat dan menurun setiap hari bergantung kepada harga barang.


Misalnya harga barang-an dapur serta keperluan harian.

Secara realitinya, barang-an barang-asas seperti beras, gula, tepung, daging, ikan dan sayur tidak dikemaskini GST dan harga barangan tersebut adalah dikawal.

Tetapi tabiat rakyat Malaysia yang cuba mengekalkan gaya hidup menyebabkan kenaikan kos gaya hidup tersebut.

Kos tetap setiap bulan misalnya harga seawaan atau ansuran rumah, ansuran kenderaan di samping bil bulanan elektrik, air, telefon, perkhidmatan televisyen berbayar dan sebagainya.

Cuba kita ingat kembali, apa peralatan elektrik



Analisis BERITA

yang ada dalam rumah kita dan bandingkan dengan sekarang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata apabila bercakap soal kos sara hidup, kita sepatutnya perlu tengok beberapa elemen.

"Kita tidak boleh kata kos sara hidup itu naik sermata-mata tentang sami harga barang sahaja, sebab kalau ikutkan barang juga terbahagi kepada beberapa faktor.

"Satu, barang-barang keperluan asas di mana kerajaan akan mengawal harganya seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan gas memasak.

"Ini memang terkawal tidak naik harga, maka jika kata kos sara hidup naik sebab barangan, ini tidak betul," katanya.

Kita sebenarnya perlu mengkaji semula corak perbelanjaan untuk mengawal kenaikan kos dan pada masa yang sama berjimat-cermat bagi mengelak pembaziran.

Sebagaimana yang disebut oleh Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini, kecenderungan yang tinggi untuk hiburan sehingga sanggup membayar sejumlah kos setiap bulan untuk melanggan khidmat satelit berbanding untuk menabung bagi pendidikan anak-anak mereka.

Beberapa juga mereka

sanggup berbelanja besar-besaran untuk memiliki telefon pintar.

Setiap kali keluar model dari jenama tertentu, berkurun-peminat tegaranya yang sanggup beratur panjang hanya untuk menjadi pemilik pertama model tersebut.

Cara paling mudah untuk mengawal kos sara hidup ialah dengan mengadakan bajet dengan menyenaraikan pendapatan dan menolak setiap perbelanjaan yang perlu.

Lungkah-lungkah di bawah boleh diperlakukan:

- Membuat perbandingan harga
- Menyenaraikan terlebih dahulu sesuatu yang ingin dibeli
- Membeli dengan kadar agak banyak tetapi tidak membazir
- Mengutamakan barang tempatan
- Membeli ketika diadakan tawaran harga
- Mengelak daripada membeli barang-barang yang tidak begitu diperlukan.

Selagi rakyat Malaysia tidak bersedia untuk menukar tabiat atau cuba mengekalkan kos gaya hidup, selagi itulah rakyat Malaysia akan terperangkap di dalam kitaran kos yang semakin meningkat.

Mentaliti biar papa asal ber gaya perlu dikikis dan tidak boleh diguna pakai lagi sekiranya.

Kalau tak berubah juga, bersetiaalah untuk tenus dihimpit tekanan hidup yang berterusan.